

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH JAWAPAN : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan secara menyeluruh dan terperinci perancangan mewujudkan Green Langkawi agar pencinta Teknologi Hijau dapat sama-sama terlibat dalam pembangunannya.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Bagi Membangunkan Pulau Rendah Karbon Langkawi (*Low Carbon Langkawi (LCL)*) yang menunjukkan konsep pulau rendah karbon boleh diaplikasi di Pulau Langkawi. *Blueprint LCL* akan digunakan oleh Kerajaan dalam usaha membangunkan pulau-pulau yang berstatus sama pada masa hadapan. Pada masa kini, KeTTHA bersama Kerajaan Negeri Kedah sedang memurnikan hasil kajian LCL untuk mengintegrasikan Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030, *Blueprint Langkawi 2.0* dan Agenda Hijau Negeri Kedah untuk pelan pembangunan Pulau Langkawi sehingga tahun 2050. Pemilihan Pulau Langkawi adalah tepat dan bersesuaian dengan pengiktirafannya sebagai *Geopark Global* oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*.

2. Perancangan membangunkan LCL akan memberi tumpuan kepada tiga fokus utama iaitu penjanaan aktiviti ekonomi yang mampan, program pemeliharaan alam sekitar yang lestari dan pembangunan sosial masyarakat yang inklusif. Projek ini akan dibangunkan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Kedah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Pejabat Daerah Langkawi dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) serta disokong oleh pihak-pihak berkepentingan lain terutamanya pihak-pihak

swasta. Adalah dijangka aplikasi Teknologi Hijau dalam pembangunan LCL dapat menjana pendapatan baharu dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

3. Pertumbuhan ekonomi hijau di Langkawi boleh dijana melalui penerapan amalan hijau dan aplikasi Teknologi Hijau dalam sektor pelancongan, pengangkutan dan pengurusan sisa pepejal. Selain itu konsep *waste to wealth* dan eksploitasi sumber semula jadi sedia ada bagi menjana Tenaga Boleh Baharu secara lestari sebagai aktiviti ekonomi baru kepada penduduk tempatan Langkawi juga boleh dilakukan. Dengan pelaksanaan LCL, dijangka penduduk Langkawi akan mendapat limpahan dari segi ekonomi dan sosial serta menikmati kehidupan yang lebih lestari dan sejahtera.

4. Tindakan awal yang telah diambil oleh KeTTHA dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Kedah iaitu mengadakan program kesedaran dan kefahaman dalam mempraktikkan amalan-amalan hijau di dalam kehidupan seharian kepada komuniti setempat, golongan belia, pelajar-pelajar sekolah, agensi Kerajaan dan penggiat industri melalui penganjuran Karnival Yahijau Langkawi. Perubahan minda dan pembudayaan amalan gaya hidup hijau merupakan pendekatan penting untuk menyokong usaha membangunkan Pulau Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon yang pertama di Asia Tenggara.